

D.R. 12/95

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBADANAN PUTRAJAYA 1995**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PERBADANAN

3. Perbadanan dan objektifnya.
4. Fungsi-fungsi Perbadanan.
5. Keanggotaan Perbadanan.
6. Setiausaha.
7. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
8. Pengkhidmat awam.
9. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan.
10. Kawasan Perbadanan Putrajaya.
11. Fungsi-fungsi tambahan Perbadanan.
12. Penyata, laporan, akaun dan maklumat.

BAHAGIAN III

PRESIDEN, PEGAWAI, PENGKHIDMAT

13. Presiden.
14. Ketua pegawai eksekutif.
15. Perlantikan pegawai dan pengkhidmat Perbadanan.

16. Peraturan-peraturan mengenai syarat perkhidmatan.
17. Kuasa Perbadanan untuk membuat peraturan berhubungan dengan kelakuan dan tata tertib.
18. Surcaj.
19. Perbadanan boleh menerima makai peraturan, dsb.

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

20. Kumpulan Wang.
21. Pemeliharaan Kumpulan Wang.
22. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang.
23. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.
24. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

BAHAGIAN V

KUASA-KUASA DAN FUNGSI-FUNGSI LAIN PERBADANAN

25. Pewakilan fungsi, kuasa atau kewajipan Perbadanan.
26. Kuasa meminjam.
27. Pelaburan.
28. Kuasa untuk mengambil kerja ejen, dsb.
29. Kuasa untuk menubuuhkan perbadanan.
30. Pengambilan tanah.

BAHAGIAN VI

AM

31. Pengecualian daripada duti setem.
32. Obligasi menyimpan rahsia.
33. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
34. Benda yang dilakukan dengan menjangkakan Akta ini akan diperbuat.
35. Kecualian.
36. Ubahsuaian.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk memperbadankan Perbadanan Putrajaya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MENURUT Fasal (5) Perkara 80 dan MENURUT dan PADA MEMATUHI Fasal (1) Perkara 92 Perlembagaan Persekutuan, MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Putrajaya 1995 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*; dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.
2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tajuk ringkas
dan mula
berkuatkuasa.

"Kawasan Perbadanan Putrajaya" ertiannya kawasan yang diperihalkan dalam seksyen 10;

"Kerajaan Negeri" ertiannya Kerajaan Negeri Selangor;

"Ketua Eksekutif" ertiannya ketua pegawai eksekutif yang disebut dalam subseksyen 14(1) dan termasuklah mana-mana pegawai yang diarahkan di bawah subseksyen 14(6) supaya melaksanakan tugas-tugas ketua pegawai eksekutif;

"Kumpulan Wang" ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 20;

"Menteri" ertinya Menteri yang bertanggungjawab ke atas Kawasan Perbadanan Putrajaya;

"Perbadanan" ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"perbadanan" ertinya perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 29;

"Presiden" ertinya Presiden Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 5;

"syarikat" mempunyai pengertian yang sama seperti yang diberikan kepada "perbadanan" di bawah subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965.

Akta 125

BAHAGIAN II

PERBADANAN

Perbadanan
dan
objektifnya.

3. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama "Perbadanan Putrajaya" yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa, yang boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemis, menye-rahahhakkan semula, memindahmilikkan atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletakhak pada Perbadanan, mengikut apa-apa terma yang difikirkannya patut.

(2) Objektif Perbadanan adalah untuk mentadbirkan dan menguruskan Kawasan Perbadanan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

Fungsi-fungsi
Perbadanan.

4. (1) Fungsi-fungsi Perbadanan ialah—

(a) melaksanakan segala fungsi kerajaan tempatan di dalam Kawasan Perbadanan Putrajaya;

- (b) memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial di dalam Kawasan Perbadanan Putrajaya;
- (c) memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan komersil, pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal di dalam Kawasan Perbadanan Putrajaya; dan
- (d) mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan (b) dan (c) di dalam Kawasan Perbadanan Putrajaya.

(2) Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala benda yang suaimanfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsi-fungsinya dan, khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan yang tersebut di atas—

- (a) menjalankan segala kuasa kerajaan tempatan di dalam Kawasan Perbadanan Putrajaya;
- (b) menjalankan segala aktiviti, khususnya aktiviti-aktiviti yang bersifat komersil yang penjalannya didapati oleh Perbadanan adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya;
- (c) mendayausahakan kajian-kajian permulaan mengenai kawasan-kawasan pembangunan dan pembangunan semula yang mungkin dan membuat rancangan-rancangan permulaan yang menggariskan aktiviti-aktiviti pembangunan atau pembangunan semula dan tinjauan-tinjauan permulaan untuk menentukan sama ada pengusahaan dan penjalanan projek pembangunan atau pembangunan semula boleh dilaksanakan;
- (d) bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen atau ejen pengurus bagi, atau selainnya bertindak bersama dengan atau bagi pihak, Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, mana-mana pihak berkuasa awam, mana-mana syarikat atau perbadanan, atau mana-mana badan atau orang lain;

- (e) memajukan dan menyelaraskan penjalanan apa-apa aktiviti oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, pihak berkuasa awam, mana-mana syarikat atau perbadanan, atau mana-mana badan atau orang lain;
- (f) dengan kelulusan Menteri, menubuhkan atau memperkembang, atau memajukan penubuhan atau pengembangan syarikat-syarikat, perbadanan-perbadanan atau badan-badan lain untuk menjalankan mana-mana aktiviti yang disebut dalam perenggan (b) dan (c) sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa Perbadanan atau secara bebas;
- (g) menghendaki jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat dalam atau bercadang hendak menjalankan pembangunan di dalam Kawasan Perbadanan Putrajaya mengemukakan laporan-laporan, yang mengandungi apa-apa butir dan maklumat yang ditentukan oleh Perbadanan, mengenai aktiviti-aktivitinya atau aktiviti-aktivitinya yang dicadangkan;
- (h) melantik mana-mana ejen yang difikirkannya patut bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsinya;
- (i) dengan kelulusan Menteri, menswastakan atau dengan apa-apa cara lain memindahmilikkan atau melupuskan mana-mana aktivitinya berhubungan dengan fungsi-fungsinya di bawah seksyen ini atau menswastakan atau dengan apa-apa cara lain memindahmilikkan atau melupuskan mana-mana asetnya;
- (j) mengenakan fee atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut bagi melaksanakan mana-mana fungsi atau kuasanya;
- (k) mengawalselia, menyelaraskan dan mengusahakan pembangunan, termasuk pembangunan infrastruktur, di dalam Kawasan Perbadanan Putrajaya; dan
- (l) melakukan apa-apa benda lain yang difikirkannya patut bagi membolehkannya menjalankan fungsi-fungsinya dan kuasa-kuasanya dengan berkesan.

(3) Tertakluk kepada seksyen 9, adalah menjadi tanggungjawab Perbadanan dalam melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini untuk memastikan bahawa fungsi-fungsi itu dilaksanakan mengikut cara yang dapat menjayakan dasar Kerajaan Persekutuan yang sedang berkuatkuasa dan khususnya dasar yang berhubungan dengan pembangunan Kawasan Perbadanan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

5. (1) Perbadanan hendaklah terdiri daripada seorang wakil Kerajaan Negeri dan anggota-anggota yang berikut yang akan dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Presiden yang hendaklah bertindak sebagai Pengurus;
- (b) tiga pegawai Kerajaan Persekutuan; dan
- (c) dua anggota lain daripada sektor swasta.

(2) Timbalan Presiden Perbadanan hendaklah dilantik oleh Presiden daripada kalangan pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan, dan semasa ketiadaan Presiden pada mana-mana mesyuarat, Timbalan Presiden hendaklah mempergerusikan mesyuarat itu.

(3) Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Perbadanan.

6. Maka hendaklah ada seorang Setiausaha kepada Perbadanan yang hendaklah dilantik daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

7. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 adalah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Perbadanan atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, pengkhidmat atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

8. Semua anggota, pegawai dan pengkhidmat Perbadanan, semasa menunaikan kewajipan-kewajipan mereka sebagai anggota, pegawai dan pengkhidmat Perbadanan, hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Akta
Perlindungan
Pihak
Berkuasa
Awam 1948.
Akta 198.

Pengkhidmat
awam.
N.M.B.
Bab 45

Kuasa
Menteri
untuk
memberikan
arahan.

Kawasan
Perbadanan
Putrajaya.

Fungsi-fungsi
tambahan
Perbadanan.

Penyata,
laporan,
akaun dan
maklumat.

9. Perbadanan hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri, dan Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan-arahan yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini dan Perbadanan hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin, melaksanakan segala arahan sedemikian.

10. (1) Kawasan Perbadanan Putrajaya ialah kawasan yang disebut dalam Perkara II Perjanjian yang dibuat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri berhubungan dengan penubuhan Putrajaya dan pelaksanaan fungsi-fungsi tertentu pihak berkuasa Negeri Selangor oleh pihak berkuasa Persekutuan.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, adalah menjadi tanggungjawab Perbadanan untuk melaksanakan di dalam Kawasan Perbadanan Putrajaya fungsi-fungsi yang diperuntukkan oleh Akta ini.

11. Sebagai tambahan kepada kewajipan-kewajipan yang dikenakan dan kuasa-kuasa yang terletakhak pada Perbadanan oleh Akta ini, Perbadanan boleh mengusahakan apa-apa fungsi lain, menjalankan apa-apa kuasa lain dan mentadbirkan dan pembelanjakan apa-apa wang lain bagi apa-apa maksud yang diserahkan atau diberikan kepadanya oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan dalam melakukan sedemikian Perbadanan hendaklah disifatkan memenuhi maksud-maksud Akta ini dan peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi Perbadanan berkenaan dengan pengusahaan fungsi-fungsi itu, penjalanan kuasa-kuasa itu dan pentadbiran dan pembelanjaan wang itu:

Dengan syarat bahawa akaun wang itu hendaklah disimpan berasingan dan terpisah daripada wang dalam Kumpulan Wang.

12. (1) Perbadanan hendaklah memberi Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat mengenai harta dan aktiviti-aktivitinya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Tanpa menjaskan kluasan subseksyen (1), Perbadanan hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri dan, jika diarahkan sedemikian oleh Menteri, kepada mana-mana pihak berkuasa awam yang lain suatu laporan yang memperkatakan aktiviti-aktiviti Perbadanan sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya dan laporan itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Perbadanan sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Menteri.

BAHAGIAN III

PRESIDEN, PEGAWAI, PENGKHIDMAT

13. (1) Tanpa menjaskan peruntukan-peruntukan lain Presiden. Akta ini, Presiden hendaklah melaksanakan apa-apa tugas yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri, mewakilkan kepada Presiden segala atau mana-mana fungsi yang terletakhak pada atau dikenakan ke atas Perbadanan oleh Akta ini dan mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan yang diwakilkan sedemikian boleh dilaksanakan, dijalankan atau ditunaikan oleh Presiden atas nama dan bagi pihak Perbadanan.

14. (1) Presiden hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif Perbadanan atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan wajar oleh Perbadanan dan Perbadanan hendaklah meletakhkan padanya apa-apa kuasa dan mengenakan ke atasnya apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Perbadanan. Ketua pegawai eksekutif

- (2) Ketua Eksekutif adalah bertanggungjawab bagi—
- (a) penyediaan segala program, skim dan projek untuk pertimbangan Perbadanan;
 - (b) pelaksanaan segala program, skim dan projek Perbadanan; dan
 - (c) penjalanan keputusan dan arahan Perbadanan.

(3) Ketua Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lain Perbadanan.

(4) Ketua Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan tambahan yang diarahkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.

(5) Dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya, Ketua Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Perbadanan.

(6) Jika Ketua Eksekutif tidak ada di Malaysia buat sementara atau tak berupaya buat sementara, oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang mencukupi, untuk melaksanakan kewajipan-kewajipannya, Perbadanan boleh mengarahkan mana-mana pegawai lain Perbadanan melaksanakan kewajipan-kewajipan Ketua Eksekutif semasa Ketua Eksekutif tidak ada atau tak berupaya buat sementara itu.

Perlantikan
pegawai dan
pengkhidmat
Perbadanan.

15. (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 16, Perbadanan boleh melantik, atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya wajar, sekian bilangan pegawai dan pengkhidmat yang perlu bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini.

(2) Tiada seorang pun layak diambil kerja sebagai pegawai atau pengkhidmat Perbadanan jika dia, secara langsung atau secara tak langsung, sendiri atau melalui pekongsinya, mempunyai apa-apa syer atau kepentingan dalam apa-apa kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, bagi atau bagi pihak Perbadanan.

Peraturan-
peraturan
mengenai
syarat
perkhidmatan.

16. Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pengkhidmatnya.

Kuasa
Perbadanan
untuk
membuat
peraturan
berhubungan
dengan
kelakuan dan
tatatertib.

17. (1) Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat bagi mengadakan peruntukan mengenai kelakuan dan tatatertib pegawai dan pengkhidmat Perbadanan.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk—

- (a) peruntukan bagi penubuhan pihak berkuasa tatatertib yang sesuai bagi kategori berlainan pegawai dan pengkhidmat Perbadanan;
- (b) peruntukan bagi penubuhan Lembaga Rayuan Tatatertib untuk mendengar rayuan daripada keputusan pihak berkuasa tatatertib; dan
- (c) peruntukan bagi—
 - (i) penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain; atau
 - (ii) penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain,

seseorang pegawai atau pengkhidmat Perbadanan semasa prosiding tatatertib itu belum selesai,

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh mewujudkan apa-apa kesalahan tatatertib dan mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan, dan hukuman-hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh, dalam menetapkan prosedur bagi prosiding tatatertib, memberikan peluang kepada orang yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil untuk membuat representasi sebelum suatu keputusan dicapai oleh pihak berkuasa tatatertib atas apa-apa pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadap orang itu.

18. (1) Jika didapati oleh Perbadanan bahawa mana-mana orang yang sedang atau telah bekerja dengan Perbadanan— Surcaj.

- (a) tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Perbadanan yang bagi pemungutannya dia bertanggungjawab;
- (b) adalah atau telah bertanggungjawab ke atas apa-apa pembayaran wang daripada Kumpulan Wang yang tidak sepatutnya dibuat atau ke atas apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;

- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau tak langsung, ke atas apa-apa kekurangan pada, atau ke atas pemusnahan, apa-apa wang, setem, sekuriti, barang-barang simpanan atau harta lain Perbadanan;
- (d) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak atau telah tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau
- (e) telah tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran, wang dari-pada Kumpulan Wang kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Perbadanan,

Perbadanan hendaklah menyampaikan kepada orang itu suatu notis bertulis yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak sepatutnya disurcajkan, dan jika penjelasan yang memuaskan hati tidak, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyampaian notis yang disebut terdahulu, diberikan kepada Perbadanan berkenaan dengan kegagalan memungut, pembayaran yang tidak sepatutnya dibuat, pembayaran yang tidak diluluskan dengan sewajarnya, kekurangan atau pemusnahan, atau kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan membuat pembayaran, atau kelewatan dalam membuat pembayaran, maka Perbadanan boleh mensurcajkan sejumlah wang terhadap orang tersebut yang amanannya tidak melebihi apa-apa amanun yang tidak dipungut, bayaran, kekurangan, atau kerugian, atau nilai harta yang musnah, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan berkenaan dengan kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan membuat pembayaran, atau kelewatan dalam membuat pembayaran, Perbadanan boleh mensurcajkan apa-apa jumlah wang terhadap orang itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Apabila sesuatu surcaj telah dibuat di bawah subseksyen (1), Ketua Eksekutif hendaklah memberitahu orang yang disurcajkan itu.

(3) Perbadanan boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcaj patut dibuat, dan Ketua Eksekutif hendaklah dengan serta-merta menyebabkan orang yang disurcajkan itu diberitahu tentang penarikan balik itu.

(4) Amaun apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan tidak ditarik balik di bawah subseksyen (3) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Perbadanan daripada orang yang terhadapnya surcaj itu dibuat dan boleh didakwa dan didapatkan di mana-mana mahkamah atas guaman Perbadanan dan boleh juga didapatkan melalui pemotongan—

- (a) daripada gaji orang yang disurcajkan jika Perbadanan mengarahkan sedemikian; atau
- (b) daripada penceن orang yang disurcajkan jika Perbadanan mengarahkan sedemikian,

melalui ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau penceن bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

19. Dalam membuat peraturan-peraturan di bawah Bahagian ini, Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri, menerima makai dengan apa-apa ubahsuaian mana-mana peraturan, kaedah, dasar, pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Perbadanan
boleh
menerima
makai
dengan
apa-apa
ubahsuaian
mana-mana
peraturan,
dsb.

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

20. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan, bagi maksud-maksud Akta ini, suatu kumpulan wang yang akan ditadbirkan dan dikawal oleh Perbadanan.

Kumpulan
Wang.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) wang yang diterima oleh Perbadanan dalam menjalankan fungsi-fungsinya sebagai pihak berkuasa tempatan;

- (b) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa bagi maksud-maksud itu oleh Parlimen;
- (c) wang yang didapati daripada pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
- (d) wang yang didapati atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletakhak pada Perbadanan;
- (e) apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletakhak pada Perbadanan;
- (f) jumlah wang yang dipinjam oleh Perbadanan bagi maksud menjelaskan mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya; dan
- (g) segala wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada, atau terletakhak pada, Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya.

Pemeliharaan
Kumpulan
Wang.

21. Maka adalah menjadi kewajipan Perbadanan untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan, menjalankan dan menunaikan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya di bawah Akta ini untuk memastikan bahawa jumlah hasil Perbadanan, tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Menteri, adalah mencukupi untuk menjelaskan semua jumlah wang yang boleh dipertanggungkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Perbelanjaan
yang
hendaklah di-
pertanggungkan
pada
Kumpulan
Wang.

22. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Perbadanan, termasuk fee dan kos ukur dan guaman dan fee dan kos yang lain, dan saraan pegawai dan pengkhidmat yang

dilantik dan diambil kerja oleh Perbadanan, termasuk elaun persaraan, penceن atau ganjaran;

- (b) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetuju terima dengan sepatutnya oleh Perbadanan dalam melaksanakan fungsi-fungsinya atau menjalankan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 4;
- (c) membeli atau menyewa loji, kelengkapan, jentera, barang-barang simpanan dan apa-apa bahan lain, memperolehi tanah dan mendirikan bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain dalam melaksanakan fungsi-fungsinya atau menjalankan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 4;
- (d) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena dibayar atasnya; dan
- (e) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

23. (1) Perbelanjaan Perbadanan sehingga apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

Perbelanjaan
dan
penyediaan
anggaran.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun, Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasuk perbelanjaan bagi projek pembangunan) bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri; dan Menteri hendaklah, sebelum permulaan tahun yang berikutnya, memberitahu Perbadanan mengenai amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan.

(3) Perbadanan boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang termasuk dalamnya.

Akta Badan
Berkanun
(Akaun dan
Laporan
Tahunan)
1980.
Akta 240.

Pewakilan
fungsi, kuasa
atau
kewajipan
Perbadanan.

Kuasa
meminjam.

24. Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai bagi Perbadanan dan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN V

KUASA-KUASA DAN FUNGSI-FUNGSI LAIN PERBADANAN

25. (1) Perbadanan boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut dikenakan, mewakilkan kepada Ketua Eksekutif mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan, sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan, yang terletakhak pada atau dikenakan ke atas Perbadanan oleh Akta ini, kecuali kuasa untuk meminjam wang, memperdapatkan pinjaman atau membuat peraturan-peraturan; dan mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan yang diwakilkan sedemikian boleh dilaksanakan, dijalankan atau ditunaikan oleh Ketua Eksekutif, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Perbadanan.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1) dan peruntukan-peruntukan lain dalam Akta ini, Perbadanan boleh mewakilkan kuasa kepada Ketua Eksekutif untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang atau mana-mana wang lain yang terletakhak pada atau yang di bawah kawalan Perbadanan sehingga apa-apa had yang ditentukan oleh Perbadanan.

26. (1) Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, meminjam, pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Perbadanan bagi menjelaskan mana-mana obligasinya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya.

(2) Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, meminjam wang melalui penerbitan bon, debentur atau saham daripada apa-apa kelas dan

(3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Perbadanan.

7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 adalah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Perbadanan dan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu dan, bagi maksud melaksanakan projek, skim atau perusahaan yang baginya ia telah ditubuhkan, boleh membuat kontrak dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan berkenaan dengan apa-apa harta tak alih atau harta alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan dalam setiap hal.

Perbadanan
hendaklah
menjadi
pertubuhan
perbadanan,

8. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa peranti yang diluluskan oleh perbadanan dengan kelulusan Perbadanan dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan dengan kelulusan Perbadanan.

Meterai biasa
perbadanan.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan, suatu cap yang mengandungi nama perbadanan melingkungi huruf "PP" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai biasa perbadanan itu.

(3) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan orang yang diberikuasa oleh perbadanan dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai tersebut, disahkan sebagaimana yang disebut terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan oleh perbadanan mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pengkhidmat perbadanan yang diberikuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meterai biasa tiap-tiap perbadanan hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mewujudkan suatu pertubuhan perbadanan yang akan dikenali sebagai "Perbadanan Putrajaya" yang akan dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi memajukan dan menggalakkan pembangunan Putrajaya, terutamanya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

2. Bahagian I mengandungi perkara-perkara permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan ini.

Fasal 2 mengandungi takrif beberapa istilah yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

3. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan Perbadanan Putrajaya.

Fasal 3 mengadakan peruntukan bagi penubuhan dan objektif Perbadanan sementara *fasal 4* memperkatakan fungsi dan kuasanya yang termasuk kuasa untuk menswastakan aktivitinya.

Fasal 5 mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan Perbadanan.

Fasal 9 bertujuan memberi Menteri kuasa untuk memberikan arahan kepada Perbadanan.

Fasal 10 mengandungi perihalan kawasan di mana Perbadanan akan melaksanakan fungsinya.

Fasal 11 mengandungi peruntukan yang membolehkan Kerajaan Persekutuan atau Negeri menyerahkan kepada Perbadanan fungsi tambahan yang lain yang akan dilaksanakan oleh Perbadanan.

Fasal 12 menghendaki Perbadanan mengemukakan penyata, laporan, akaun dan maklumat kepada Menteri dan mana-mana pihak berkuasa awam lain yang diarahkan oleh Menteri.

4. Bahagian III Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan mengenai Presiden, Ketua Eksekutif dan pegawai dan pengkhidmat Perbadanan.

Fasal 13 memperkatakan tugas-tugas Presiden Perbadanan.

Fasal 14 mengandungi peruntukan berkenaan dengan ketua pegawai eksekutif Perbadanan.

Fasal 15 bertujuan memberi Perbadanan kuasa untuk melantik pegawai dan pengkhidmatnya.

Fasal 16 dan *17* bertujuan memberi Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, kuasa untuk membuat peraturan-peraturan mengenai syarat perkhidmatan dan tatatertib pegawai dan pengkhidmatnya.

5. Bahagian IV mengandungi peruntukan-peruntukan kewangan.

Fasal 20 mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu Kumpulan Wang dan *fasal 21* bertujuan mengenakan ke atas Perbadanan kewajipan memelihara Kumpulan Wang itu.

Fasal 22 menyatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungkan pada Kumpulan Wang itu.

6. Bahagian V memperkatakan kuasa dan fungsi lain Perbadanan.

Fasal 25 memberikan Perbadanan mewakilkan fungsi, kuasa dan kewajipan tertentu kepada Ketua Eksekutif.

Fasal 26 mengadakan peruntukan bagi peminjaman wang oleh Perbadanan dan *fasal 27* bertujuan membolehkan Perbadanan melaburkan asetnya.

Perbadanan juga dibenarkan menubuhkan perbadanan di bawah *fasal 29*.

7. Bahagian VI mengandungi peruntukan am.

Fasal 31 bertujuan mengecualikan Perbadanan daripada pembayaran duti setem.

Fasal 32 melarang anggota, pegawai atau pengkhidmat Perbadanan daripada mendedahkan maklumat yang didapati semasa menjalankan tugasnya.

Fasal 33 memperkatakan kuasa Perbadanan untuk membuat peraturan-peraturan.

Fasal 35 mengandungi peruntukan kecualian berhubungan dengan pelan struktur yang disediakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amannya belum dapat ditentukan sekarang ini.
[PN. (U²) 1879.]